



Tun Juhar (tiga dari kanan) melancarkan buku UMS bertajuk 'Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan'

# UMS beri komitmen kaji budaya Bajau Semporna

DE 25.04.2012 7

SEMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaku institusi pengajian tinggi (IPT) yang memartabatkan kebudayaan pelbagai etnik di negeri ini turut memberikan komitmen terhadap kajian kebudayaan maritim suku kaum Bajau Semporna yang belum ditonjolkan sepenuhnya sebagai salah satu warisan etnik.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata untuk merealisasikan komitmen itu, pihaknya melaksanakan pelbagai aktiviti seperti pemasangan payao, penulisan buku dan juga penyertaan Regatta Lepa sejak beberapa tahun lalu.

"Penyertaan dalam Regatta Lepa bukan sekadar sebagai pertandingan tetapi lebih merupakan sebagai tanda komitmen UMS selaku IPT dalam memartabatkan kebudayaan pelbagai etnik di negeri Sabah," katanya.

Di samping itu, pelajar UMS juga diberikan ruang untuk mendekati diri dengan masyarakat tersebut agar mengetahui dengan lebih banyak dan memahami secara meluas tentang latar budaya etnik berkenaan.

"Pendekatan pelajar ke atas masyarakat pelbagai etnik merupakan satu kemahiran insaniah dan penyertaan dalam regatta juga dapat membantu menonjolkan Semporna dalam peta pelancongan negara selain mempromosi kekayaan seni ukir setempat," kata Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur.

Sementara itu UMS yang telah menyertai Regatta Lepa sejak 2010 berjaya merangkul

tempat ketiga tahun ini sama seperti yang dicapai pada tahun lalu. Lepa UMS diketuai Prof Madya Ismail Ali dibantu oleh Hinmin Chiam Tah Kong.

"Budaya maritim yang menggunakan lepa dalam kehidupan sudah lama wujud dalam sejarah tradisi besar maritim di Nusantara dan sehingga kini unsur budaya ini masih kekal digunakan bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Filipina dan Indonesia," kata Ismail sambil menambah, warisan tradisi itu perlu dipertahankan sebagai satu khazanah warisan generasi akan datang.

Bersempena dengan Regatta Lepa itu, buku tulisan Ismail berjudul 'Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan' dilancarkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Haji Mahiruddin. Buku itu memaparkan sejarah awal Pulau Mabul, pembangunan masa kini dan beberapa persoalan semasa di pulau itu.

"Pada tahun 2013 UMS meletakkan sasaran untuk melancarkan buku berjudul 'Cerita-Cerita Lisan Komuniti Maritim di Semporna' sebagai kesinambungan daripada buku yang telah dilancarkan," kata beliau.

Ismail menegaskan, dalam semua program tersebut pihaknya amat terhitung budi ke atas sokongan dan dorongan pelbagai pihak termasuk Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Nasir Tun Sakaran dan Pegawai Daerah, Ibnu AM Baba.